

Latihan kawad bina kepimpinan, disiplin diri

Oleh Mu'min Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 OKT – Unit Beruniform Pasukan Kadet Polis (PKP) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan lawatan ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Sabah pada 7 hingga 9 Oktober lalu.

Program yang julung-julung kalinya diadakan itu juga bermatlamat untuk mengadakan latihan kawad bersama Kor Suksis, UiTM cawangan Sabah.

Menurut kenyataan UNISSA, rombongan seramai 22 orang terdiri daripada dua guru pengawas, dua anggota jurulatih PLP dan 17 pelajar PKP UNISSA itu telah diketuai bersama oleh C/Insp Ibrahim bin Haji Sali dan Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Multimedia UNISSA, Dr Adam bin Haji Jait.

Antara tujuan utama program lawatan dan latihan kawad bersama itu adalah bagi berkongsi sama pengalaman,

membina hubungan baik di antara kedua-dua pasukan untuk mempelajari amalan-amalan terbaik daripada pihak Kor Suksis UiTM cawangan Sabah dan Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei.

Selain itu, program juga bertujuan membina disiplin yang kuat, sikap keyakinan yang tinggi dan kepimpinan serta pendedahan yang lebih luas tentang pergerakan kawad, latihan-latihan dan yang berkaitan dengan ahli-ahli pasukan.



Unit Beruniform Pasukan Kadet Polis (PKP) UNISSA semasa mengadakan latihan kawad bersama Kor Suksis, UiTM cawangan Sabah. – Gambar serahan UNISSA